

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

TINGKATAN	:	4
MASA	:	40 minit
BIDANG	:	4 Nilai Berkaitan Dengan Patriotisme
PEMBELAJARAN		
NILAI	:	4.3 Sanggup Berkorban untuk Negara
KANDUNGAN	:	• Cinta kepada negara dan masyarakat
AKADEMIK		
TAJUK	:	Mengutamakan Peraturan dan Undang-Undang
HASIL	:	Di akhir pelajaran, murid dapat:
PEMBELAJARAN		<i>1. Kognitif Moral</i> (i) Menerangkan sebab-sebab peraturan dan undang-undang diadakan. <i>2. Perasaan Moral</i> (ii) Menyatakan kesanggupan mematuhi peraturan dan undang-undang. <i>3. Perlakuan Moral</i> (iii) Memberi cadangan mematuhi peraturan dan undang-undang.
PENDEKATAN	:	Penjelasan Nilai Analisis Nilai
TEKNIK	:	Perbincangan, Main Peranan dan Projek
SUMBER BANTU	:	Keratan akhbar, kertas putih & pen marker
MENGAJAR		

Permulaan

- (i) Menulis di papan kapur/putih perkataan yang berikut:
patriotisme negara cinta peraturan undang-undang
masyarakat sanggup berkorban
- (ii) Meminta murid kaitan antara semua perkataan yang diberikan.
- (iii) Guru memperkenalkan topik pelajaran

Aktiviti 1: Apakah kaitan antara aktiviti dengan peraturan dan undang-undang?

- (i) Meminta murid menyenaraikan 10 perkara yang mereka lebih suka melakukan daripada menghadiri kelas pada masa ini seperti membeli belah, bermain bola dan lain-lain. Catatkan jawapan murid di papan kapur/putih.
- (ii) Meminta murid mengaitkan perkara yang mereka lebih suka melakukan dengan peraturan atau undang-undang. Contohnya,
membeli-belah - kad waranti, penipuan oleh peniaga dan
jenis barangan yang haram untuk remaja seperti rokok, arak
bermain bola - peraturan permainan dan pengadilan
melancong - pasport, visa dan wang asing
memandu kereta - peraturan jalanraya

- Melalui aktiviti ini murid akan menyedari bahawa semua aktiviti yang mereka ingin lakukan ada kaitan dengan peraturan dan undang-undang.
- (iv) Meminta murid sama ada semua perkara yang disenaraikan boleh dilakukan tanpa peraturan dan undang-undang.
 - (v) Bersumbang saran sebab-sebab peraturan dan undang-undang diadakan.

Aktiviti 2: Mencegah Jenayah

- (i) Meminta murid memberi contoh jenis jenayah yang berlaku dalam negara kita seperti pembunuhan, perompak, rogol, penipuan, pengedaran dadah dan lumba haram
- (ii) Memberitahu murid bahawa mereka akan berbincang topik 'Mencegah Jenayah' mengikut kumpulan seperti yang berikut:
 - Kumpulan 1: Kenapakah jenayah berlaku?
 - Kumpulan 2: Bagaimanakah jenayah boleh dicegah?
 - Kumpulan 3: Apakah kelebihan mencegah jenayah?
- (iii) Membahagikan kelas kepada kumpulan kecil dan edarkan kertas putih dan marker untuk murid mencatatkan hasil perbincangan mereka.
- (iv) Meminta murid membentangkan hasil perbincangan.
- (v) Menyoal murid dengan soalan berkaitan seperti yang berikut:
 - Apakah kesannya kepada masyarakat dan negara jika jenayah tidak dicegah?
 - Bolehkah anda sebagai remaja mencegah jenayah?
- (vi) Membimbing murid mengaitkan nilai cinta akan negara dengan kepatuhan peraturan dan undang-undang.

Penutup/Rumusan

- (i) Meminta murid sebab peraturan dan undang-undang harus dipatuhi.
- (ii) Membimbing murid mengaitkan nilai cinta akan negara dengan kepatuhan peraturan dan undang-undang.

Refleksi/Penilaian

Guru meminta pelajar memberi cadangan bagaimana mereka mematuhi peraturan dan undang-undang.